

21/07/1997

Perbaiki kaedah pembelian buku

Jamudin Idris

USAHA perlu dilakukan oleh pihak tertentu untuk mendekatkan golongan menengah Melayu meminati karya dan sastera Melayu yang selama ini agak terpisah dengan mereka, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Antara perkara yang boleh dilakukan, misalnya, melalui Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) bekerjasama dengan penerbit buku dengan menghantar senarai buku terbaru dan terlaris.

Katanya, sinopsis pendek patut disertakan dan cara pembelian pula perlu dipermudahkan. Hal ini berlaku di negara maju dan dengan cara itu juga barulah industri buku negara ini boleh berkembang.

Berucap merasmikan majlis pelancaran Perkampungan Penulis Gapena (GGP) di Rumah Gapena, Jalan Lapangan Terbang Lama Kuala Lumpur, Khamis lalu, Dr Ibrahim berkata, cara seumpama itu banyak dilakukan di luar negara dan hasilnya buku mereka menjadi yang terlaris.

Katanya, golongan menengah Melayu bukannya tidak meminati karya sastera tetapi mereka tidak mendapat gambaran jelas mengenai buku itu.

Banyak buku akan menjadi perhatian apabila ia disentuh atau diperkatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ramai yang ingin mengetahui perkara yang tersirat oleh pucuk pimpinan negara ini.

Mengenai kegiatan Gapena, beliau bangga kerana badan itu berjaya melahirkan ramai penulis muda.

Itu sesuatu yang membanggakan kerana badan lain tidak begitu berjaya melahirkan apa yang dihasratkan termasuk dalam kegiatan sukan.

Dr Ibrahim juga berkata, Pulau Pinang bersedia menjadi tuan rumah bagi Sayembara Puisi Hari Kebangsaan tahun depan.

Sementara itu, PPG tahun ini dimulakan di zon timur yang diadakan di Kuantan mulai 18 hingga 20 Julai ini. Ia diselenggarakan oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP).

Untuk Zon Selatan akan diadakan di Negeri Sembilan mulai 25 hingga 27 Julai, Zon Sabah diadakan di Kota Kinabalu manakala Zon Tengah diadakan di Selangor mulai 15 hingga 17 Ogos.

Zon Sarawak diadakan di Seri Aman mulai 22 hingga 24 Ogos manakala Zon Utara diadakan di Pulau Pinang mulai 19 hingga 21 September.

Penceramahnya pula terdiri daripada Sasterawan Negara Abdullah Hussain, Prof Datuk Dr Hashim Awang, Prof Madya Dr Othman Puteh, Pro Madya Rahman Shaari, Hamzah Hamdani dan Prof Madya Amida Abdul Hamid.

PPG kali kedua adalah lanjutan yang terdahulu yang diadakan pada tahun 1994 dan matlamatnya untuk menghimpunkan penulis dan budayawan berdiskusi dan berbengkel, membuat persembahan dan menghasilkan karya.

Antara program PPG ialah siri bengkel penulisan kreatif, siri tunjangan kreativiti sastera, acara kebudayaan dan persembahan dan siri seminar serta ceramah sosioekonomi dan sastera.

Bengkel ini bertujuan mencungkil bakat sedia ada dalam bidang penulisan bagi mengisi dunia kesusasteraan dan menyediakan penulis berilmu dengan bimbingan lengkap dan tersusun.

Peserta PPG terdiri daripada penulis berpotensi/prolifik dalam bidang penulisan dan setiap badan kerabat boleh menghantar 10 peserta.

(END)